

Sukarelawan yang menyertai aktiviti berkenaan.



Tangani isu alam sekitar

ROSLIHATI ROSEDI

PEKAN - Sebanyak 300 pokok daripada pelbagai spesies ditanam menerusi projek khidmat masyarakat bersepadu (myTREEvolution Integrated CSR) 2018.

Projek kendalian Bahagian Hubungan Industri, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) berlangsung di Laman Cendekia UMP Pekan, menyaksikan pengalihan 200 sukarelawan.

MyTREEvolution Program, National Forest Restoration Project merupakan inisiatif Felo CEO@Faculty Programme 2.0 terdiri daripada sekumpulan penyarah dari semua Universiti Awam (UA) di Malaysia, industri, KPT dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

ia diwujudkan bagi menangani isu alam sekitar yang semakin perlu diberi perhatian retentan pembangunan pesat di Malaysia.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin berkata, penglibatan UMP dalam program seumpama ini selaras dengan lajur universiti bagi mewujudkan kesedaran alam sekitar, pengetahuan, kemahiran dan kampus hijau dalam kalangan warganya.

"Penglibatan UMP dalam program CSR bersama MyTREEvolution amat bermakna terutama dalam mencapai matlamat untuk memulihara alam sekitar melalui aktiviti penanaman pokok. Malah, ia dapat memperkasakan inisiatif dengan menyampaikan mesej mengenai kesedaran pemeliharaan dan pemuliharaan warisan

300 pokok
sempena
myTREEvolution
Integrated CSR
2018

alam semula jadi kepada pelbagai lapisan masyarakat", katanya.

Di samping itu, katanya, aktiviti berkenaan turut menyumbang kepada kriteria dalam penarafan UJ Green Metric.

Sementara itu, Ketua Sekretariat Planting of Trees, Prof Madya Dr Mohd Fadhil Md Din, UMP merupakan universiti yang ke -10 yang menjalankan program berkenaan sejak dilancarkan pada Oktober 2017.

Jelasnya, program tersebut menyaksikan 1000 pokok di tanam di setiap universiti bagi program terbabit.

"Namun, pada peringkat permulaan ini, selepas aktiviti penanaman kita akan laksanakan aktiviti pemantauan akan diadakan setiap enam bulan.

"Bagi pelajar yang terpilih maklumat diri mereka akan diambil dan mereka akan dibekalkan maklumat mengenai pokok yang mereka tanam", katanya.

Beliau turut menjelaskan semua pokok yang ditanam akan dipantau secara berkala dengan menggunakan aplikasi teknologi maklumat bagi memberikan kepada rakyat di negara ini mengakses aplikasi tersebut.

"Program seumpama ini bukan sahaja membolehkan masyarakat mendekati alam sekitar, tetapi juga membimbing peserta secara langsung untuk memberikan pendidikan dan pengetahuan yang lebih tepat mengenai program penghijauan bumi", katanya.



Info

Antara pokok yang ditanam merupakan spesies Merawan Siput Jantan, Balau Pasir, Kelodan, Meranti Ternak, Bintangor Laut dan Damar Minyak